




# DASAR, ORGANISASI DAN PERKIRAAN (ARRANGEMENTS) KESELAMATAN DAN KESIHATAN



MOHD AZIZIYA HABIB

# OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Untuk menjelaskan apakah itu Kenyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan
- Untuk menerangkan kepentingan dasar keselamatan dan kesihatan
- Untuk menjelaskan empat langkah dalam melaksanakan dasar keselamatan dan kesihatan



# SKOP

1. Apakah itu Dasar KK dan kenapa kita memerlukannya
2. Kehendak perundangan bagi Dasar KK
3. Empat langkah dalam melaksanakan dasar KK



# APAKAH KENYATAAN DASAR KK

- Kenyataan dasar KK ialah satu dokumen yang menggariskan bagaimana organisasi itu akan mengurus keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



# KENAPA KENYATAAN DASAR KK PENTING?

- Satu kenyataan kesungguhan pihak pengurusan atasan
- Menunjukan pihak pengurusan mengambil berat terhadap pekerja
- Satu panduan kepada semua peringkat pekerja untuk menjadikan asas perlakuan dan keputusan mereka
- Titik permulaan untuk merancang dan mengatur program KKP
- Kehendak perundangan

# KEHENDAK PERUNDANGAN – AKKP 1994

- Menyediakan satu kenyataan bertulis dasar KKP
- Pekerja mesti berwaspada akan kehendak dasar tersebut
- Pelaksanaan dasar KKP memerlukan
  - Organisasi yang mantap (tentukan individu dan tangungjawab)
  - Perkiraan (pelan perancangan dan sumber spt. Bajet, kepakaran teknikal, sistem kerja dll)
- Mengkaji semula dasar apabila perlu

# EMPAT LANGKAH DALAM MELAKSANAKAN DASAR KKP

1. Merumus dan menulis dasar
  - Masukkan kenyataan wawasan dan matlamat
  - Objektif dan sasaran berkaitan risiko
2. Melaksanakan dasar dengan mengadakan organisasi dan perkiraan (arrangements)
  - Organisasi, perlantikan. program KKP
3. Sebar dasar
  - Umum dan pamer kenyataan, maklumkan tanggungjawab dan program KKP
4. Pantau dan semak semula dasar jika perlu

# MERUMUS DASAR KKP

- Dasar perlu dibaca, difahami dan dilakukan oleh pekerja, penyelia dan pengurus. Oleh itu iaanya mestilah:

**Mudah**

(Gunakan bahasa yang mudah difahami, tidak berbelit-belit)

**Boleh diukur**

(Prestasi boleh dipantau)

**Boleh dicapai**

(Boleh diterima akal dan berdasarkan kepada keperluan sendiri)

**Berpatutan**

(selalu sasarkan tinggi tetapi mesti praktikal)

**Boleh dikesan**

(Boleh dibuat kajian dan dikesan pada satu-satu jangkamasa)

# MERUMUS DASAR KKP

- Buat kenyataan yang mengambil kira:
  - **Wawasan dan matlamat** (kemalangan ke arah sifar)
  - **Perundangan** (pematuhan, kelayakan pekerja)
  - **Pelanggan**(pematuhan kepada tatacara keselamatan pelanggan)
  - **Kesatuan** (Associations) -“Responsible Care”
- Kehendak di bawah AKKP 1994 (Seksyen 16)

# MERUMUS DASAR KKP

- Ceritakan keadaan hazard di tempat kerja
  - Maklumat melalui
    - Mengenalpasti hazard dan penaksiran risiko
    - Berunding dengan pekerja terutama cadangan daripada J/Kuasa keselamatan
    - Amalan kerja yang baik
  - Hazard secara am di industri
    - Cth. Keadaan hazard berubah mengikut fasa pembinaan

# **MERUMUS DASAR KKP**

- Kenyataan dasar hendaklah dengan jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab pekerja
- Sebagai contoh:
  - Pengurus dan Penyelia di setiap peringkat menguatkuasakan aturan KKP di tempat kerja atau fungsi masing-masing
  - Pekerja melaporkan kemalangan nyaris (near-misses)
  - Penyelia menyiasat kemalangan
  - Pengurus menyelia kontraktor

# MELAKSANAKAN DASAR KKP

1. Mula dengan matlamat, objektif, risiko yang telah dikenalpasti seperti yang tercatat di dalam dasar
2. Wujudkan program KKP

Contoh program

- Menyelenggara keselamatan peralatan dan loji yang kritikal, persekitaran kerja yang selamata, kaedah laluan masuk dan keluar dan keperluan Analisa Keselamatan Kerja (JSA)
3. Sediakan sumber dan beri tanggungjawab

## SEBAR DASAR KKP

- Pamerkan di tempat strategik
- Dicetak dalam buletin atau brosur
- Boleh diperiksa bila-bila masa

# MEMANTAU DASAR KKP

- Penyimpanan Rekod
- Rekod Kemalangan/kesihatan
- Pematuhan pada perundangan
  - Melantik (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Membentuk J/Kuasa Keselamatan dll.)
- Sasaran yang ditetapkan tercapai
- Pematuhan pada organisasi/perkiraan (sistem kerja selamat dll.)

# MEMANTAU DASAR KKP

- Pemantauan dan pengawasan persekitaran tempat kerja
- Pemeriksaan tempat kerja
- Menjalankan kerja-kerja audit
- Penyiasatan insiden/ kemalangan

# **SEMAK SEMULA DAN PINDAAN DASAR KKP (OLEH J/KUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN)**

- Perangkaan pencapaian
- **Semak semula dasar**
  - Pengajaran dari pengalaman
  - Perubahan pada operasi atau organisasi
  - Pengubahsuaian loji atau proses
  - Perundangan baru
  - Hazard baru dikenalpasti
  - Tukar peniagaan

# RUJUKAN : MANUAL KKP (JKR)



## MANUAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

NO.DOKUMEN	:	JKR.MKKP.02
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	2 Jul 2018
MUKA SURAT	:	11 / 29

### 4.2 DASAR DAN OBJEKTIF KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

#### 4.2.1 Penyediaan Dasar KKP

Dasar yang dipersetujui oleh pengurusan tertinggi hendaklah ditandatangani, sentiasa dipantau dan disemak seiring dengan keperluan perundangan dan organisasi untuk direalisasi melalui komitmen semua pihak.

#### 4.2.2 Objektif KKP

Jabatan Kerja Raya Malaysia komited untuk:

- a) Menyedia, menyenggara tempat kerja dan sistem kerja yang selamat dan sihat ke arah kemalangan sifar;
- b) Mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja;
- c) Memastikan pematuhan kepada perundangan dan lain-lain keperluan yang berkaitan.

#### 4.2.3 Pemakluman Dasar KKP dan Objektif KKP

Setiap pejabat JKR hendaklah mempamerkan Dasar KKP dan Objektif KKP di lokasi-lokasi yang strategik dan sesuai untuk pengetahuan kakitangan dan pelanggan JKR.

# KESIMPULAN

1. Satu dasar bertulis KKP dikehendaki oleh undang-undang.
2. Merumus dasar yang mencerminkan perkiraan KKP dan matlamat organisasi.
3. Tulis dasar yang ringkas supaya ianya senang dihebahkan dan difahami.
4. Laksanakan dasar dengan mengadakan program pelaksanaan dasar.
  - Beri tanggungjawab kepada semua terlibat
  - Sediakan perkiraan untuk laksanakan dasar
  - Pantau pelaksanaan dasar
  - Semak semula dasar jika perlu



# SELESAI

## TERIMA KASIH

